

## **Muhyiddin Mahu Jawatankuasa Petugas Ditubuh Siasat Punca Nahas Di Genting Highlands**

**Bernama**

**21 Ogos, 2013**

**Oleh Minggu Simon Lhasa**

BANGKOK, 21 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pihak berkuasa segera menubuhkan jawatankuasa petugas bagi menyiasat kemalangan bas di Genting Highlands yang meragut 37 nyawa Rabu.

Bercakap kepada wartawan Malaysia ketika tiba di sini untuk lawatan rasmi dua hari bermula esok, beliau berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) perlu menubuhkan jawatankuasa petugas bagi mengenal pasti punca kemalangan dan langkah sewajarnya diambil bagi mengelak kejadian seperti itu tidak berulang di masa depan.

Beliau mengharapkan tindakan segera kerana jalan tersebut digunakan sepanjang masa oleh orang ramai termasuk pelancong.

Beliau berkata kemalangan seperti itu pernah terjadi sebelum ini tetapi tidak seteruk ini.

"Ia adalah sesuatu yang agak dahsyat," kata beliau yang menyatakan dukacita dan sedih dengan kejadian itu.

Beliau turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971717>